



JABATAN KERJA RAYA BAGAN DATUK,  
LOT PT 9089, A-11  
PUSAT KOMERSIAL SIMPANG EMPAT,  
36400 HUTAN MELINTANG,  
PERAK.

25/0013



Telefon : 05-641 1744  
No. Faks : 05-641 1102  
Laman Sesawang : <http://perak.jkr.gov.my>

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JKR.BD.700-4/2/33 ( 3 )  
Tarikh : 14 Mei 2025

Pengurus Koridor Negeri  
Koridor Utiliti Darul Ridzuan  
B-G-9 & B-G-11 Greentown Suria  
Jalan Dato' Seri Ahmad Said  
30450 IPOH.  
(u/p. : Pn. Hasnita binti Musa @Amindollah)

Tuan,



**KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU AEEB001 – SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KHIR JOHARI**  
**PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas. Surat tuan bertarikh 5 Mac 2025 adalah berkaitan.

2. Pejabat ini telah meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh tuan melalui surat dinyatakan tersebut dan lawatan pemeriksaan ke lokasi berkenaan bersama wakil pejabat ini turut diadakan pada 29 April 2025.

3. Dimaklumkan bahawa pejabat ini tiada halangan ke atas lokasi cadangan tuan dan dengan ini **MEMBERI KEBENARAN** izin lalu kepada pihak tuan. Sila tuan ambil maklum bahawa kebenaran ini diberi hanya untuk melaksanakan kerja ukur tanah (sempadan ROW), cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan penandaan jajaran utiliti di kawasan terlibat. Sehubungan dengan itu, tarikh kebenaran izin lalu yang diberikan adalah seperti berikut:

Tarikh Mula Izin Lalu	29 April 2025
Tarikh Tamat Izin Lalu	29 Oktober 2025

(Tarikh mula izin lalu dan tamat izin lalu dalam lingkungan 6 bulan)

4. Semasa tempoh ini masih berkuatkuasa, pihak tuan perlulah mengemukakan permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti bersama dokumen-dokumen yang diperlukan sebagaimana dalam Senarai Semak Permohonan Kelulusan/ Permit kepada pejabat ini selewat-lewatnya **satu (1) bulan sebelum Tarikh Tamat Izin Lalu.**

“SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN”

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

...2/-

-2-

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JKR.BD.700-4/2/33 (3 )  
Tarikh : 14 Mei 2025

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(Ir. Ts. AMIR ASROL BIN AHMAD BANGI)  
Jurutera Daerah  
JKR Daerah Bagan Datuk,

s.k. 1. Pengarah Kerja Raya  
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30000 IPOH.  
(u/p : Jurutera Awam Penguasa - Jalan)

**“PERAK SEJAHTERA 2030”**